

U GB 17-06 00222 BH639

aab

LEAD Mahathir - RRJP '''

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Dasar Pembangunan Baru (DPB) mengambil kira keperluan semua kaum dan pelaksanaannya memerlukan penyertaan seluruh rakyat, ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

+Semua kumpulan kaum tidak seharusnya berasa curiga atau sangsi yang mereka akan kerugian,+ kata Perdana Menteri.

+Malaysia kaya dengan sumber dan ianya cukup untuk memastikan yang semua rakyat mendapat manfaat daripada proses pembangunan,+ kata beliau ketika membentangkan usul mengenai Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) di Dewan Rakyat.

RRJP2 merupakan dasar pembangunan ekonomi negara bagi tempoh 10 tahun (1991-2000) dan yang merangkumi DPB yang menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1970-1990).

Datuk Seri Dr Mahathir berkata DPB menggalakkan penggembleran sumber-sumber negara dan menggunakan potensi kecerdasan masyarakat berbilang kaum untuk membina ekonomi yang teguh serta meningkatkan ketahanan negara.

+Kita yakin setiap kaum mempunyai sifat dan kekuatannya sendiri dan boleh saling melengkapi dan membantu antara satu sama lain,+ kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata DPB telah digubal untuk mengadakan peluang-peluang bagi semua rakyat Malaysia untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha membangunkan negara ini.

-- Lagi

Perhatian Editor : Harap sambungkan LEAD ini dengan take-take yang dihantar sebelum ini (BH633, BH634, BH637 dan BH638).

-- Bernama

17 JUN 1991